



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	26/07/2012

# PAS tetap perjuang hukum hudud

BH - 26/7/2012

» *Nik Aziz sahut cabaran Karpal*

Oleh **Khairul Anuar  
Abdul Samad  
dan Haspaizi Mohd Zain**  
bhnews@bharian.com.my

▀ **Kota Bharu**

**D**atuk Nik Aziz Nik Mat menyahut cabaran Karpal Singh dengan mengulangi pendirian parti itu yang tetap akan memperjuangkan hukum hudud, walaupun tidak diperseutujui sekutunya, DAP.

Mursyidul Am PAS itu berkata, sebagai parti yang memperjuangkan Islam, PAS tetap akan melaksanakan hukum Islam, baik dalam segi ekonomi, sosial atau perundangan seperti hukum hudud.

“Orang tidak setuju, apa boleh buat, tapi benda itu (hukum hudud) adalah benda agama, bukannya benda politik. Saya tidak perlu tegaskan buat kali kedua, perkara ini (hukum hudud) sudah lama dah, semua orang tahu.

## **Hudud untuk orang Islam**

“PAS tidak boleh tidak, mesti buat (laksana) benda-benda Islam. Hukum hudud ini untuk orang Islam dan sekiranya orang bukan Islam hendak guna hudud, boleh dan tidak perlu melalui perbincangan,” katanya kepada pemberita selepas mempengeterukan mesyuarat EXCO kerajaan negeri di pejabatnya di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Pengerusi DAP, Karpal Singh, dalam akhbar *New Straits Times (NST)*, kelmarin, mencabar dua pemimpin tertinggi PAS iaitu Presiden, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Nik Aziz, menyatakan pendirian mengenai hukum hudud dan negara Islam.

Akhbar itu memetik Ketua Angkatan Muda Keadilan (PKR), Shamsul Iskandar Mohd Akin, menyokong Karpal serta meminta Ketua Pemuda PAS, Nasrudin Hassan Tantawi merujuk kepada perjanjian dalam pakatan pembangkang dibuat tahun lalu, yang mengatakan bahawa hudud bukan sebahagian dari dasar bersama pakatan sehingga semua parti bersetuju.

## **‘DAP parti anti-Islam’**

Sementara itu di **Kuala Lumpur**, tindakan Pengerusi DAP, Karpal Singh yang secara konsisten menentang pelaksanaan negara Islam dan hukum hudud membuktikan parti itu anti-Islam dan Melayu.

Bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr Mohammad Fairus Khairuddin, berkata lebih menyedihkan pemimpin Islam dalam pakatan pembangkang akur dan tunduk kepada DAP sehingga sanggup mengenyepikan Islam yang diperjuangkan mereka selama ini.